

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

4

JUMAAT, 1 MEI 2020

Nasional

Penularan COVID-19

Lebih seminggu kes dua angka

57 positif, 84 pulih dengan dua kematian direkodkan

Putrajaya: Kes positif baharu COVID-19 seluruh negara kekal kepada dua angka sehingga semalam, iaitu 57.

Ia menjadikan jumlah kumulatif kes COVID-19 ialah 6,002 sehingga jam 12 tengah hari semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata 84 kes sembuh sepenuhnya semalam menjadikan jumlah kumulatif pulih di negara ini sebanyak 4,171 kes atau 69.5 peratus daripada keseluruhan kes.

Beliau berkata, daripada jumlah kes baharu itu sebanyak 25 adalah dari kes import dan

32 pula adalah penularan tempatan.

"Oleh itu, jumlah kes aktif dengan kebolehsangkitan COVID-19 adalah 1,729, mereka sudah diasingkan dan diberi rawatan.

"Daripada jumlah berkenaan 36 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dan 14 individu memerlukan bantuan pernafasan.

"Turut dilaporkan pertambahan dua kematian di Pusat Kesiapsiagaan dan Tindakan Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC); menjadikan jumlah kematian dicatatkan di negara ini sebanyak 102 kes atau 1.7 peratus daripada keseluruhan kes," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kematian ke-101 membabitkan kes ke-4,657, iaitu lelaki warganegara Malaysia berusia 64 tahun dan mempunyai

latar belakang penyakit barah darah.

"Beliau mempunyai sejarah kontak rapat dengan kes positif COVID-19 daripada kluster dalam pemantauan (PUI) Bali dan beliau sebelum ini dirawat di Hospital Tengku Ampuan Afzan, Pahang pada 12 April lalu dan disahkan meninggal dunia semalam (29 April) pada jam 4.14 petang.

"Bagi kematian ke-102, ia membabitkan kes ke-5,282, iaitu seorang lelaki warganegara Malaysia berusia 72 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit darah tinggi.

"Beliau sebelum ini dirawat di Hospital Umum Sarawak pada 16 April lalu dan disahkan meninggal dunia hari ini (semalam) pada jam 12.55 tengah hari. KKM (Kementerian Kesihatan) mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mereka," katanya.

Dalam perkembangan lain,



Dr Noor Hisham Abdullah

Dr Noor Hisham berkata, kawalan sempadan perlu terus diperketat bagi mengurangkan bilangan kes import COVID-19.

Katanya, kawalan sempadan faktor paling penting mengawal penularan COVID-19 dan perlu diperketat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa 4.

Kawalan pergerakan mungkin dilonggarkan dengan semua sektor perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang akan diumumkan dalam tempoh terdekat.

"Seeloknya duduk di rumah dan mengamalkan penjagaan selamat serta kebersihan diri. Kita berjaya sebab kawalan pergerakan untuk mengurangkan kes mendadak.

"Hari ini (semalam) kita dapat angka kes positif berkurangan kepada dua angka dalam tempoh lebih seminggu," katanya.

Syor guna herba bukan untuk rawatan

Kuala Lumpur: Pakar dari China hanya mencadangkan penggunaan herba sebagai komplementari, bukan untuk rawatan pesakit COVID-19, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Katanya, COVID-19 masih belum mempunyai rawatan khusus sehingga kini.

"Mungkin (herba) bukan sebagai rawatan, tetapi komplementari untuk penyembuhan yang baik dan sebagainya. Mengam COVID-19 tiada rawatan lagi.

"Apa yang mereka (pakar

dari China) cadangkan adalah cara, contohnya akupunktur dan herba yang mungkin boleh mempercepatkan penyembuhan dalam rawatan," katanya kepada pemberita pada sidang media di Putrajaya semalam.

Sekumpulan lapan pakar dari China tiba di Malaysia pada 18 April lalu bagi berkolaborasi dengan pasukan perubatan Malaysia mengenai pengalaman negara itu mengenai penularan wabak COVID-19.

Antara perkara akan dibincangkan bersama ialah isu pe-

rawatan pesakit di wad dan unit rawatan rapi (ICU), isu penyelidikan, penggunaan teknik atau kaedah tertentu sama ada antigen, antibodi dan sebagainya.

Mengenai hasil pertemuannya dengan kumpulan pakar berkenaan, Dr Noor Hisham berkata, perbincangan menyeluruh mengenai tindakan, isu berkaitan makmal dan rawatan di hospital sudah diadakan.

Beliau memaklumkan, pihaknya akan mengadakan pertemuan sekali lagi dengan kumpulan pakar berkenaan

hari ini bagi membincangkan beberapa perkara secara lebih terperinci.

"Mereka membantu kita dari segi pengalaman mengendalikannya kes dan tindakan dalam kesihatan awam, selain kita melihat kepada penggunaan ubat yang sudah dikenal pasti.

"Sekurang-kurangnya mereka memberi keyakinan kepada kita. Tindakan diambil kita berkesan, kelemahan mereka yang dapat kita pelajari dan cuba elak daripada mengulangi dalam sistem terbahit," katanya.

WAKTU IMSAK & BERBUKA

8 RAMADAN 1441H

JUMAAT, 1 MEI 2020	IMSAK	BERBUKA
PERLIS		
Seluruh negeri Perlis	544 pg	728 mlm
KEDAH		
ZON I Kota Setar, Kubang Pasu & Pokok Sena	544 pg	727 mlm
ZON II Pendang, Kuala Muda & Yan	545 pg	726 mlm
ZON III Padang Terap, & Sik	543 pg	726 mlm
ZON IV Baling	544 pg	725 mlm
ZON V Kulim & Bandar Baharu	545 pg	725 mlm
ZON VI Langkawi	546 pg	730 mlm
ZON VII Puncak Gunung Jerai	539 pg	730 mlm
PULAU PINANG		
Seluruh negeri Pulau Pinang	545 pg	726 mlm
PERAK		
ZON I Tapah, Slim River & Tanjung Malim	543 pg	721 mlm
ZON II Ipoh, Batu Gajah, Kampar, Sg Siput & Kuala Kangsar	544 pg	723 mlm
ZON III Pengkalan Hulu, Grik & Lenggong	543 pg	724 mlm
ZON IV Temengor & Belum	541 pg	722 mlm
ZON V Teluk Intan, Bagan Datoh, Kg Gajah, Sri Iskandar, Beruas, Parit, Lumut, Sitiawan & Pulau Pangkor	545 pg	723 mlm
ZON VI Selama, Taiping, Bagan Serai & Parit Buntar	545 pg	725 mlm
ZON VII Bukit Larut	544 pg	728 mlm
SELANGOR		
ZON I Gombak, Petaling/Shah Alam Hulu Selangor, Hulu Langat & Sapang	543 pg	720 mlm
ZON II Klang, Kuala Langat, Kuala Selangor & Sabak Bernam	545 pg	723 mlm
WILAYAH PERSEKUTUAN		
Kuala Lumpur & Putrajaya	543 pg	720 mlm
KELANTAN		
ZON I Jajahan Kota Bharu, Bachok, Pasir Puteh, Tumpat, Pasir Mas, Tanah Merah, Machang, Kuala Krai & Gua Musang (Daerah Chiku)	537 pg	720 mlm
ZON II Jajahan Jeli & Gua Musang (Daerah Galas & Bertam) Lojing	541 pg	720 mlm
TERENGGANU		
ZON I Kuala Terengganu & Marang	535 pg	715 mlm
ZON II Besut & Setiu	537 pg	717 mlm
ZON III Hulu Terengganu	537 pg	716 mlm
ZON IV Kemaman & Dungun	536 pg	715 mlm
PAHANG		
ZON I Pulau Tioman	533 pg	707 mlm
ZON II Rompin, Pekan, Muadzam Shah & Kuantan	538 pg	715 mlm
ZON III Maran, Jengka, Chenor, Temerloh, Bera & Jerantut	540 pg	716 mlm
ZON IV Bentong, Raub & Lipis	541 pg	718 mlm
ZON V Genting Sempah, Bukit Tinggi & Janda Baik	541 pg	721 mlm
ZON VI Cameron Highlands, Bukit Fraser & Genting Highlands	542 pg	726 mlm
MELAKA		
Seluruh negeri Melaka	542 pg	716 mlm
NEGERI SEMBILAN		
ZON I Jempol dan Tampin	540 pg	715 mlm
ZON II Seremban, Port Dickson, Kuala Pilah, Rembau & Jelebu	542 pg	717 mlm
JOHOR		
ZON I Pulau Aur, Pulau Pemanggil	532 pg	707 mlm
ZON II JB, Kulajaya, Kota Tinggi & Mersing	536 pg	709 mlm
ZON III Pontian dan Kluang	536 pg	710 mlm
ZON IV Batu Pahat, Muar, Ledang, Segamat & Gemas Johor	540 pg	714 mlm

Tiada jangkitan babit pengendalian pesakit di Hospital Umum Sarawak

Putrajaya: Kebanyakan kes kluster di Hospital Umum Sarawak berkait rapat dengan kluster terbesar di Kuching, iaitu persidangan keagamaan di sebuah gereja.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata 29 atau 51.3 peratus daripada keseluruhan kes itu daripada kluster persidangan keagamaan berkenaan.

Katanya, berdasarkan siasatan setakat ini, tiada kes yang berpunca daripada pengendalian kes

yang disahkan positif dari wad COVID-19 dan unit rawatan rapi (ICU) di hospital berkenaan.

Sehingga kelmarin, beliau berkata, 2,003 individu dari kontak rapat sudah dikenal pasti susulan pengesanan kontak rapat secara aktif yang dijalankan oleh Kementerian dan 1,950 anggota kesihatan negatif ujian pengesanan COVID-19.

Dalam pada itu, beliau berkata, 18 hospital di Sarawak kini boleh menjalani saringan kesihatan COVID-19 berbanding lima hospital

sebelum ini.

Katanya, selain itu empat hospital sudah dikenal pasti sebagai pusat rawatan COVID-19 iaitu di Hospital Umum Sarawak, Hospital Miri, Hospital Bintulu dan Hospital Sibul dengan jumlah 736 katil dikhaskan kepada pesakit COVID-19.

"Hospital yang dinyatakan ini dilengkapi 63 katil rawatan kritikal dengan 112 mesin bantuan pernafasan (ventilator).

"Selain itu, ada lima fasiliti yang dikenal pasti sebagai pusat

Seramai 2,003 individu dari kontak rapat sudah dikenal pasti susulan pengesanan kontak rapat secara aktif.

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan

kuarantin dan rawatan risiko rendah dengan kapasiti 901 katil.

"Kini terdapat empat makmal yang boleh menjalankan ujian pengesanan COVID-19 iaitu di Hospital Umum Sarawak, Hospital Sibul, Hospital Miri dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

"Secara keseluruhannya, jumlah ujian pengesanan dapat dijalankan di empat makmal ini adalah 898 ujian dan ini diperingkatkan ke 1,040 ujian sehari," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini, semalam.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : NASIONAL

16

KKM terima sumbangan berbentuk aset, wang tunai RM9.44j

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) menerima sumbangan berbentuk aset dan wang tunai berjumlah RM9.44 juta bagi memerangi COVID-19.

Menterinya Datuk Seri Dr Adham Baba, menerima sumbangan itu daripada 14 penderma dalam majlis penyerahan di bangunan KKM, di sini semalam.

Daripada 14 penderma itu, dua organisasi yang menyumbang wang tunai kepada Tabung COVID-19 iaitu Farm Fresh Milk Sdn Bhd dengan jumlah RM100,000 dan Dewan Perniagaan Korea Malaysia (KOCHAM) dengan RM395,358.

Selain itu, KOCHAM juga menyumbangkan kit ujian COVID-19 bernilai RM86,892 dan sumbangan keseluruhan daripada KOCHAM berjumlah RM482,250.

Antara penderma lain, Kumpulan Geely (DRB-HICOM) dengan peralatan bernilai RM5.5 juta iaitu penutup hidung dan mulut, pakaian peralatan perlindungan peribadi (PPE) dan *ventilator*.

Novartis Corp (M) Sdn Bhd menderma 2,000 set setiap satu bagi penutup kepala, *jumpsut* dan *but* bernilai RM1.077 juta dan 10,000 botol cecair basmi kuman bernilai RM70,000.

Wellous Sdn Bhd & SVO Group Bhd menderma 10,000 unit PPE bernilai RM600,000, manakala Vale Malaysia Minerals Sdn Bhd menyumbang 20,000 unit kit ujian COVID-19 bernilai RM593,600.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) turut menyumbang *powered air respirators* dan PPE bernilai RM160,000 yang akan diberikan kepada Hospital Kuala Lumpur dan Hospital Selayang.

Baby Product Association of Malaysia (BPAM) menyumbang 25,000 pek *Alcosm disinfectant wipes* bernilai RM500,000, manakala Asia Spillwell Pte Ltd (Singapore) menderma 10,000 penutup hidung dan mulut N95 bernilai RM86,906.

Selain itu, T7 Global Bhd menderma satu unit *Nuctect Fever Block Screening System* dan 10,000 keping topeng penutup hidung dan mulut bernilai RM80,000.

Perniagaan Seras Sdn Bhd menyumbang satu unit *Gem Primer 3500 Blood Gas Analyser* bernilai RM70,000, manakala Yayasan Nurjiwa menderma 2,000 set PPE bernilai RM66,000.

China Rainbow International Investment Co Ltd dan Tellhow Ir-Tech Co Ltd juga menyumbang satu unit *thermal imaging dan non-contact human temperature screening machine* bernilai RM49,990, manakala Kainan Sdn Bhd menderma 400 keping penutup hidung dan mulut N95 bernilai RM8,000.

BERNAMA

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NEWS / NATION

FRIDAY, MAY 1, 2020 • NewStraitsTimes

Nation / NEWS

5

LATEST VICTIMS

HEALTH D-G: MANY FOREIGNERS INFECTED

Most of them are from areas placed under EMCO, says Dr Noor Hisham

PUTRAJAYA

A LARGE number of foreigners has emerged as the latest victims of Covid-19, with a majority of those who tested positive coming from areas placed under the Enhanced Movement Control Order (EMCO).

Many of them were from Menara City One, Selangor Mansion and Malayan Mansion Flats in Kuala Lumpur.

Of the 168 cases at Selangor Mansion Flat, 151 of them involved foreigners. Foreigners accounted for 41 of the 55 cases at Menara City One, and 10 of the 12 cases at Malayan Mansion Flat.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah yesterday said 21,271 foreigners had been screened for Covid-19 and 811 tested positive.

He said 376 of them were under treatment, while 431 had recovered.

Four deaths had also been recorded among foreigners, he added.

He said the cost of testing for each individual was between RM200 and RM300.

"What's important is that we



Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah (left) speaking at the daily Covid-19 media briefing in Putrajaya yesterday. PIC BY MOHD FADLI HAMZAH

screen them to confirm whether they are positive. We want foreigners to come forward, especially those who attended the recent tabligh gathering."

He said 57 new cases were reported yesterday, of which 25 were imported cases.

He said 36 patients were being treated in the Intensive Care Unit (ICU), with 14 of them requiring breathing assistance.

Dr Noor Hisham said 84 patients were discharged yesterday, bringing the total number of those who recovered from Covid-19 to 4,171 or 69.5 per cent of the cumulative cases.

He said up to noon yesterday, two new deaths had been recorded, bringing the death toll in Malaysia to 102.

He said Selangor recorded the highest number of new cases at

27, of which 13 were imported.

This was followed by Kuala Lumpur (10 new cases, including seven imported cases), Melaka (five new cases, including two imported cases) and Johor (three new cases, all imported).

He said Perlis, Kedah, Penang, Perak, Terengganu, Kelantan, Sabah and Labuan reported no new cases.

On the cases in Sarawak, he

said five new cases were detected from three coronavirus clusters identified in the state.

He said half of the cases in Sarawak were linked to the church gathering in Kuching, which had infected 176 people.

Eighteen hospitals in the state have been designated for Covid-19 screening, including Sarawak General, Miri, Bintulu and Sibul Hospitals.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

M'sia virus cases top 6,000

25 of new infections imported as ministry reports another two deaths

By JOSEPH KAOS Jr
joekaosjr@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia's total Covid-19 cases have hit the 6,000 mark with 57 new infections over the past 24 hours.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said 25 of the new cases were imported while the remaining 32 were local transmissions.

Cumulatively, there are now 6,002 cases but only 1,729 are active cases and currently being treated at the country's health facilities.

At the ministry's daily Covid-19 press briefing, Dr Noor Hisham said 84 more patients have been dis-

charged, bringing the number of those who have recovered to 4,171.

There are currently 36 patients in the intensive care unit (ICU) with 14 on ventilator support.

Dr Noor Hisham also said there were two new deaths, pushing the country's death toll to 102.

The latest fatalities were a 64-year-old man with a history of haematological cancer and a 72-year-old man with a history of hypertension.

Dr Noor Hisham said the ministry has taken several proactive measures to ensure the continuity of healthcare services at the Sarawak General Hospital (SGH).

These, he said, include disinfec-

tion of areas and screening at high-risk locations within the hospital, as well as enforcing the practice of safe social distancing and the usage of personal protective equipment.

He added that the ministry has also implemented mental health and psycho-social support services at all its facilities, including psychological first aid activities on an individual and group basis.

"These proactive measures have been taken to ensure the continuity of healthcare services at SGH.

"To date, all critical services are operating as usual and the ministry is closely monitoring the situation," he said.

Some 56 Covid-19 cases in Kuching are related to the SGH cluster and involved healthcare workers at the hospital.

But Dr Noor Hisham said a majority of the cases in the cluster were from outside the hospital and more than half were closely related to the Kuching church gathering cluster.

"So far, no cases were found to have resulted from managing confirmed Covid-19 patients in the wards and ICU at the hospital," he said.

Watch the video
[thestartv.com](https://www.thestartv.com)



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Health Ministry gets over RM9mil worth of donations

PUTRAJAYA: The Health Ministry has received RM9.44mil in contributions to fight Covid-19.

The contributions were received by Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba at a brief ceremony at the ministry here yesterday.

Of the 14 donors, two organisations donated cash to the Covid-19 Fund, namely Farm Fresh Milk Sdn Bhd (RM100,000) and the Korean Chamber of Commerce Malaysia or Kocham (RM395,358).

In addition to money, Kocham also donated Covid-19 test kits worth RM86,892, bringing its total contribution to RM482,250.

Geely Holding Group and DRB-Hicom jointly donated RM5.5mil worth of equipment including face masks, personal protective equipment (PPE) and ventilators.

Novartis Corp (M) Sdn Bhd contributed 2,000 sets each of head covers, jumpsuits and



boots worth RM1.077mil and 10,000 bottles of sanitisers worth RM70,000.

Wellous Sdn Bhd and SVO Group Bhd donated 10,000 PPE sets worth RM600,000, while Vale Malaysia Minerals Sdn Bhd contributed 20,000 units of Covid-19 test kits valued at RM593,600.

The National Higher Education Fund Corporation contributed powered air-purifying respirators and PPE worth RM160,000 for Kuala Lumpur Hospital and Selayang Hospital.

Baby Product Association of Malaysia donated 25,000 packs of Alcosm disinfectant wipes worth RM500,000, while Asia Spillwell Pte Ltd (Singapore) contributed 10,000 N95 face masks worth RM86,906.

Apart from that, T7 Global Bhd contributed a unit of Nuctect FeverBlock Screening System and 10,000 face masks worth RM80,000.

Perniagaan Seras Sdn Bhd contributed one unit of GEM Premier 3500 Blood Gas Analyser worth RM70,000, while the Nurjiwa Foundation donated 2,000 PPE sets worth RM66,000.

Meanwhile, China Rainbow International Investment Co Ltd and Tellhow Ir-Tech Co Ltd also contributed one unit of thermal imaging and non-contact human temperature screening machine worth RM49,990, while Kainan Sdn Bhd donated 400 N95 face masks worth RM8,000.